



BULETIN CASSIA

MAJLIS DAERAH KAMPAR

www.mdkampar.gov.my



Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022

24 FEBRUARI 2022 (JUMAAT) | 3.00 PETANG
DEWAN BANDARAN KAMPAR

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perkhidmatan Terpuji bagi tahun 2022 telah diraikan dalam suasana yang meriah dengan tema Bollywood.

Seramai 19 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 48 orang Anugerah Perkhidmatan Terpuji telah terpilih di kalangan kakitangan pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima.



Penghargaan kepada pesara dan anggota yang telah berkhidmat 30 tahun turut diraikan dalam program ini. Khidmat bakti yang telah dicurahkan memberikan aspirasi kepada pihak Majlis mengiktiraf mereka dengan Anugerah Jasa Setia.



Majlis juga turut meraikan kakitangan yang telah memberikan sumbangan dalam penyertaan mahupun pencapaian dalam pelbagai pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua jawatankuasa yang terlibat.



ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar

2

1. PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

Sesi Menandatangani Surat Penerimaan Jawatan Dan Angkat Sumpah	3
Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023	4
Program Penyerahan Apron & Topi Serta Edaran Beg Biodegradasi	5
Majlis Penyampaian Hadiah Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2023	6
Audit Iso 45001: 2018 1st Surveillance Audit	7

2. PROGRAM KUALITI MDKpr

Sesi Penilaian Peringkat Pertama Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KPKT	8
Sesi Penilaian Peringkat Akhir Dan Majlis Pengumuman Pemenang Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KPKT	9
Kolokium Kerajaan Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan (KKT Perak) 2023	10

3. PELANCONGAN

Program beYoutiful @Kampar Makan Sini	11
---------------------------------------	----

4. LAWATAN

Program Sehari Bersama Yb Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Di Daerah Kampar	12
Lawatan Penanda Arasan Majlis Daerah Kampar Ke Majlis Daerah Pendang	13

5. KELAB SUKAN

Liga Dart 2023	14
Kejohanan Sukan PBT Malaysia MALA 2023	15-16
Perlawanan Badminton 4 Penjuru	17
Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Badan Kebajikan	18
Liga E-Sport Majlis Daerah Kerian	19
Karnival Bubur Lambuk	20

6. BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)

Program Ceramah Ramadan & Tadarus Al Quran	21
Majlis Iftar Ramadan	22
Karnival Bubur Lambuk Peringkat Daerah Kampar	23
Program Memasak Bubur Lambuk bersama Kelab Sukan MDKpr	24
Majlis Khatam Al Quran	25
Program Ibadah Qurban	26

7. LOCAL AGENDA (LA21)

Program Gotong Royong Lihat Sampah Ambil (LISA) 2023	27
Program Kami Prihatin 1.0	28
Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) WOW	29
Senarai Program Local Agenda (LA 21) Tahun 2023	30-31



Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Buletin Cassia Edisi 1 / 2023 dapat diterbitkan untuk tatapan semua pembaca. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Sidang Redaksi Buletin di atas komitmen dan dedikasi sehingga buletin ini dapat dihasilkan. Sekalung tahniah dan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan / Unit / Bahagian dan Warga Majlis Daerah Kampar kerana telah sama-sama menggembleng tenaga dalam menjayakan program dan memberikan perkhidmatan dengan cemerlang.

Akhir kata, usaha yang berterusan haruslah dilakukan untuk memenuhi segala keperluan dan cabaran pada masa hadapan. Kolaborasi pintar dengan semua pihak berkepentingan perlu diwujudkan dengan memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien bagi merealisasikan Visi dan Misi MDKpr sebagai *“Peneraju ke arah Kawasan Perbandaran Kampar yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025”*.

Sekian, Terima kasih.

AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar



“Terus Melangkah Ke Hadapan”

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tn. Ahmad Suqairy bin Alias, PPT, AMP

PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

WARTAWAN

1. TPr Muhamad Hisham bin Hashim
2. Rozzilla binti Mohamad Som
3. Mohd Salim bin Saleh
4. Nor Syazana binti Amrah@Omrah
5. Mahfuzah binti Mokhtar
6. Norazila binti Ahmad Hamdi
7. Izham bin Ahmad
8. Hamishah binti Ahamed
9. Hafiza binti Makri

10. Nurul Fahana binti Md Bakri
11. Muhammad Muslihuddin bin Jaafar
12. Muhammad Zulhelmi bin Salji
13. Muhamad Syarafi bin Mohd Said

MEDIA CASSIA

1. Mohd Syukri bin Wazirrudin
2. Alif Syairazi bin Mohd Sapian
3. Faridzul Arif bin Mohd Hashim
4. Mohd Hizam bin Radzuan



SESI MENANDATANGANI SURAT PENERIMAAN JAWATAN DAN ANGGAT SUMPAAH

SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI TEMPOH 16 FEBRUARI 2023 SEHINGGA 15 FEBRUARI 2024.

11 - 12 MAC 2023 | 8.00 PAGI - 5.00 PETANG
AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR



Seramai 18 orang Ahli Majlis telah menandatangani surat penerimaan jawatan diketuai oleh Yang Dipertua MDKpr, Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, AMP. PPT diikuti dengan 5 ahli daripada Parti BN, 6 ahli daripada Parti DAP, 5 ahli daripada Parti PKR serta seorang daripada Parti AMANAH.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YB Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak.

Turut hadir bersama adalah, YB Azlan Helmi bin Helmi, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO merangkap ADUN Tualang Sekah, YB Chong Zemin, Ahli Parlimen Kampar, YB Bavani Veraiah, ADUN Malim Nawar, YB Angeline Khoo Haai Yen, ADUN Keranji, Encik Mohamad Helmi bin Mohamed Fuzi, Wakil Ahli Parlimen Gopeng, YDH Toh Sedewa Raja Dato' Abdul Talib bin Abd Fahmi, OBJ Kampar, Tuan Nazrul Fazami bin Mohamad, Pegawai Daerah Kampar serta ASP Shaiful Irwan bin Mohd Ali, Wakil Ketua Polis Daerah Kampar.





KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) TAHUN 2023

11 - 12 MAC 2023 | 8.00 PAGI - 5.00 PETANG
PUSAT KONVENSYEN IPOH (ICC)

Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023 anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dengan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang menyampaikan ucapan di Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2023 pagi ini bagi mewakili YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara.

Menurut beliau, PBT merupakan salah satu organisasi barisan hadapan pentadbiran Kerajaan di peringkat tempatan. Penjawat awam di PBT harus mempunyai 'mind-set' yang mampu memahami dan mengurus keperluan masyarakat bandar. Justeru, melaksanakan tugas dengan penuh integriti, profesional, berakauntabiliti dan telus. Inovasi YB Menteri KPKT anjuran MALA telah dipamerkan dan turut mempromosikan produk pelancongan yang terdapat di Daerah Kampar.



MDKpr telah dinobatkan sebagai PBT kedua terbaik Malaysia (Kategori Daerah) dengan jumlah markah 96.69% serta dianugerahkan 5 Bintang dalam Penilaian Sistem Penarafan Pihak Berkuasa Tempatan SPB-PBT Tahun 2022. Tuan Ahmad Suqairy Bin Alias, AMP. PPT., Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah menerima anugerah tersebut daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Konvensyen ini telah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dari seluruh Malaysia dan membawa tema "Perbandaran Madani Negara Sejahtera". Program ini telah berlangsung di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC) pada 11 dan 12 Mac. Rakan PBT dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah melawat ke reruai MDKpr di mana kali ini 3 produk inovasi yang telah memenangi Anugerah Inovasi Negeri Perak dan Piala Inovasi YB Menteri KPKT anjuran MALA telah dipamerkan dan turut mempromosikan produk pelancongan





PROGRAM PENYERAHAN APRON & TOPI SERTA EDARAN BEG BIODEGRADASI

DI BAZAR RAMADAN KAMPAR & MALIM NAWAR

27 MAC 2023 | BAZAR RAMADAN DAERAH KAMPAR



Program penyerahan apron & topi kepada peniaga bazar ramadan dan edaran beg biodegradasi sumbangan Lotus's Kampar kepada pengunjung terawal diberikan sebagai galakan mendidik dan memberikan kesedaran untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna di Bazar Ramadan Kampar dan Malim Nawar.

Kehadiran Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, YDP Majlis Daerah Kampar, Dr. Abdullah bin Mazlan, Pegawai Kesihatan Daerah Kampar, ASP Mohammad Nasaruddin bin Ariffin, Ketua Balai Polis Kampar, Puan Siti Azura bte. Haji Juki, Setiausaha MDKpr, Ahli-ahli Majlis Daerah Kampar, wakil Lotus's Kampar dan mahasiswa-mahasiswi Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang mengedarkan risalah dan memakai pakaian khas dengan mesej berkaitan kempen hindari penggunaan plastik sekali guna, straw dan polisterine telah memeriahkan lagi program tersebut.

Program edaran beg plastik sekali guna kepada pengunjung bazar diedarkan bagi mendidik warga Kampar supaya mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna. Selain itu, kempen kurangkan pembaziran makanan ketika bulan Ramadan juga ditekankan kepada peniaga dan pengunjung bazar.

Adalah menjadi hasrat MDKpr agar semua warga Kampar menyokong Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Elak Pembaziran Makanan terutama sepanjang bulan Ramadan ini.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2023

14 APRIL 2023 | AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR

Majlis Cabutan Bertuah telah dimulai oleh Ahli-Ahli Majlis, iaitu Clr. Puan Julia Binti Abu Hasan, Clr. Encik Mohammed Hafiz Bin Mohd Shariff, Clr. Encik Mohd Lot Bin Abdul Hamid dan Clr. Encik Amran Bin Harun telah mencabut slip cukai taksiran, diiringi Puan Siti Azura Binti Haji Juki, AMP, Setiausaha Majlis Daerah Kampar.

Seterusnya Tuan Ahmad Suqairy Bin Alias, AMP, PPT Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah menyempurnakan majlis tersebut dengan cabutan utama bagi 3 slip cukai taksiran. Majlis Penyampaian Hadiah ini turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Jabatan dan pihak media.



Pada tahun ini, pihak Majlis telah menawarkan 53 hadiah utama yang menarik berupa wang tunai berjumlah keseluruhan RM22,500 untuk dimenangi oleh pemenang yang bertuah dengan hadiah utama bernilai RM2,000.00.

Semoga sokongan padu yang berterusan daripada warga Daerah Kampar kepada Majlis dengan melaksanakan tanggungjawab membuat pembayaran cukai taksiran ini akan merealisasikan hasrat Majlis Daerah Kampar untuk menjadi kawasan Perbandaran Kampar yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025.



Syabas dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua Pemenang Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2023.





AUDIT ISO 45001: 2018 1st SURVEILLANCE AUDIT

12-13 JUN 2023 | AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR



Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima kunjungan panel penilai dari National Institute Occupational Safety and Health (NIOSH) Certification Sdn. Bhd. untuk Pengawasan Audit Siri Pertama bagi Tahun 2023.

Pengawasan audit yang dijalankan selama 2 hari ini telah menjalankan semakan dokumen dan Sistem Pengurusan ISO 45001: 2018 seperti Arahan Kerja (AK) dan Standard Operasi Prosedur (SOP) yang terdapat dalam pensijilan ISO yang diterima melibatkan 7 bahagian.

Selain itu, lawatan ke tapak bagi melihat proses kerja cantasan pokok dan tangkapan anjing terbiar turut dijalankan semasa pengawasan audit pada kali ini.

MDKpr sentiasa memastikan pelaksanaan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) kepada semua anggota pekerja dilaksanakan dan dijadikan sebagai budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja. Malahan, elemen-elemen KKP ini merupakan sebahagian daripada dasar pengurusan MDKpr bagi melindungi semua anggota Majlis daripada sebarang bahaya dan mencegah kejadian kemalangan dan penyakit pekerjaan.





SESI PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT

17 JANUARI 2023 | DEWAN PERDANA, KERAMAT MALL,
KUALA LUMPUR

Kumpulan Inovasi MDKpr, Kumpulan 1-STEP telah dijemput bagi Sesi Penilaian Peringkat Pertama Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KPKT.

Sesi ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Majlis Daerah, kategori Majlis Perbandaran dan kategori Dewan / Majlis Bandaraya. Bagi kategori Daerah, sebanyak 13 Majlis Daerah telah dijemput bagi sesi tersebut.



Kumpulan 1-STEP MDKpr telah membuat pembentangan mengenai projek inovasi yang bertajuk Integrated Waste With Bridge (IWWB)@MDKpr. Semoga kumpulan ini mendapat tempat untuk dipertimbangkan ke peringkat akhir dan seterusnya beroleh kejayaan di peringkat kebangsaan.





SESI PENILAIAN PERINGKAT AKHIR DAN MAJLIS PENGUMUMAN PEMENANG PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT

8 & 9 FEBRUARI 2023 | DEWAN KRISTAL, PUTRAJAYA.

Kumpulan Inovasi MDKpr, Kumpulan 1-STEP telah mendapat tempat Ke-18 daripada 30 PBT yang disenarai pendek ke peringkat akhir selepas bersaing di antara 69 kumpulan di pusingan pertama dikalangan PBT seluruh Malaysia

Tajuk projek inovasi yang dibentangkan ialah Integrated Waste With Bridge (IWWB) @MDKpr. Pengumuman ini telah diumumkan oleh YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang, Presiden MALA merangkap Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya.





KOLOKIUUM KERAJAAN TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN (KKT PERAK) 2023

21 MAC 2023 | DEWAN BANKUET,
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad telah merasmikan pembukaan Kolokium Kerajaan Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan (KKT Perak) 2023 anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

KKT Perak 2023 ini telah melibatkan seramai 500 orang jemputan terdiri daripada Ahli Dewan Negeri, Datuk Bandar/Yang Dipertua (DB/YDP), Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Majlis dan pegawai-pegawai PBT Perak.

Hadir bersama, YB Sandra Ng Shy Ching selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan memeriahkan program ini.



Program berlangsung selama satu (1) hari dengan pelbagai pengisian penuh berkaitan fungsi, peranan PBT dan Ahli Majlis.

Dalam program yang sama, Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah dipilih sebagai salah satu daripada 5 PBT yang layak menerima insentif di atas pencapaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022.



Program beYoutiful @Kampar MAKAN SINI



3 MEI 2023 | KAMPAR

Program beYoutiful@Kampar MAKAN SINI telah berlangsung bagi mempromosikan tempat makan menarik di sekitar Daerah Kampar dengan pengisian promosi dan pengedaran premis makanan.

Antara tempat makan yang dipromosi ialah Restoran Iqa Corner Nasi Wanggey Malim Nawar dan Warung Kelapa Leleh Kampor oleh pengengaruh, Encik Rhys William. Turut dihadiri bersama ialah Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, AMP.PPT., Yang Dipertua dan Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP., Setiausaha Majlis Daerah Kampar.



Program ini adalah penutup bagi Program beYoutiful@Kampar MAKAN SINI tahun 2023. Terdahulu, seramai 2 orang pengengaruh iaitu Encik Hunain dan Cik Rachel telah mempromosi 8 tempat makan yang menarik di Daerah Kampar. Plak beYoutiful@Kampar MAKAN SINI telah diserahkan kepada pengusaha tempat makan yang terlibat sebagai tanda diperakui oleh MDKpr untuk program ini.

Program ini adalah usaha sama daripada dua jabatan iaitu Unit Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal Komuniti dan Jabatan Kesihatan Awam bagi tujuan mempromosi pelancongan dari sudut memperkenalkan tempat makanan di daerah ini.





PROGRAM SEHARI BERSAMA

**YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
DI DAERAH KAMPAR**

23 FEBRUARI 2023 | SEKITAR DAERAH KAMPAR





LAWATAN PENANDA ARASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR KE MAJLIS DAERAH PENDANG

14 JUN 2023 | MAJLIS DAERAH PENDANG



Pada 14 Jun 2023 (Rabu) jam 11:00 pagi telah diadakan Lawatan Penanda Arasan ke Majlis Daerah Pendang. Delegasi ini diketuai oleh Puan Mahfuzah binti Mokhtar, Pegawai Tadbir (Khidmat Pengurusan) bersama 21 warga MDKpr.

Lawatan ini telah disambut oleh Encik Mohamad Zahimi bin Harun, Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan MD Pendang.



Lawatan ini adalah bertujuan perkongsian ilmu dan pengalaman MD Pendang dalam pembangunan klasifikasi fail dan pelaksanaan Sistem DDMS (Digital Document Management System) 2.0.

Sesi lawatan ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk menambahbaik aspek pengurusan rekod dan meningkatkan kualiti perkhidmatan ke aras sistem pengurusan fail yang lebih teratur.





LIGA DART 2023

LAWATAN KERJA TUAN YDP KE RUMAH KELAB SUKAN MDKpr

L awatan kerja tuan YDP ke Rumah Kelab Sukan MDKpr dengan pengisian sesi suai kenal bersama AJK Kelab Sukan, menyaksikan perlawanan Dart Tempat $\frac{3}{4}$ dan Akhir, penyampaian hadiah Liga Dart (lelaki & wanita) serta penyampaian hadiah "World Cup Best 5 Fantasy Team" pada 5 Januari 2023 jam 4.00 petang.



MALA 2023

**KEJOHANAN SUKAN
PBT MALAYSIA
26-28 JANUARI 2023**




SUKAN GOLF

FLIGHT 10 (VIP)	
1. Tuan Ahmad Saqiry bin Alias	YDP MP Kampar
2. Tuan Syamsul Hareman bin Md Salleh	YDP MP Marang Tim Danik Bender MBSJ
3. Hj Mohd Zulkarnain bin Che Ali	
4. Muhammad Zahrudin bin Mohd Zahari	SU MP Jasin
FLIGHT 17 (OPEN)	
1. Eadz bin Husain	DBKL
2. Azahaimi bin Basir	MB Iskandar Puteri
3. Mohd Anwar Fahmi bin Mohd Hanafi	MD Kampar
4. Kamal Munier	MB Kuala Terengganu
FLIGHT 16 (OPEN)	
1. Azman bin Mohd Harun	MB Ipoh
2. Ahmad Afandi bin Azmi	MD Hulu Terengganu
3. Md Shuhail bin Hanair	MD Kampar
4. Ali	MP Seremban Perani



PERTANDINGAN KAROM



PERTANDINGAN BOWLING



Tuara **BADMINTON 4 PENJURU**

**PERLAWANAN BADMINTON 4 PENJURU
ANJURAN BANK RAKYAT KAMPAR.**





MESYUARAT AGUNG

MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN BADAN KEBAJIKAN

16 MAC 2023 | DEWAN BANDARAN KAMPAR

Mesyuarat yang dihadiri seramai 193 ahli di kalangan anggota Majlis Daerah Kampar.



Pada tahun ini juga telah diadakan pemilihan Ahli Badan Kebajikan Kampar.

Selain mesyuarat kelab sukan dan bakeb, cabutan bertuah juga turut diberi kepada ahli kelab dan bakleb. Hadiah utama peti ais telah dimenangi oleh Hazmira Binti Ngadeni dari Jabatan Penilaian Dan Harta.



Liga E-SPORT MDKpr

PERTANDINGAN LIGA E-SPORT ANTARA AHLI KELAB SUKAN MDKpr

19 MAC 2023 | RUMAH KELAB SUKAN MDKpr

ATUR CARA

8.00-8.30 Pagi - Pendaftaran pengurus & pemain
8.45-9.00 pagl. - Briefing
9.00-2.00 petang - Perlawanan
(Makanan tengah hari disediakan oleh urusetia)

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN :

1. Setiap pasukan perlu menyenarai 2 pemain bagi setiap perlawanan yang dilakukan secara home&away
2. Hanya pasukan kelab sahaja boleh dipilih oleh pemain pemilihan kelab boleh sama dengan pihak lawan
3. Pemenang bagi setiap perlawanan liga akan dikira berdasarkan agregat home & away
4. Menang (3 mata), Seri (1 mata) dan kalah (0 mata)
5. Pemain (home/away) yang gagal hadir (tempoh masa yang munasabah bagi penganjur akan dikira KALAH. Komenang 3-0 akan diberikan kepada pihak lawan.
6. 1 minit setting sebelum perlawanan dan 2 minit setting semasa rehat 2nd half. Pemain hanya dibenarkan tukar pemain yang injured sahaja semasa perlawanan
7. Game Speed:Normal, half length:3minit, Multiplayer camera:tele-broadcast(ro/hzo), injured:off, handball:off, Offside:On, Booking:On, Defending:tacticalLegacyONLY,



Division 1 Select a Day Manual Tiebreak Valid

Ranking (unvalidated)

#	Name	P	W	D	L	F	SP	SA	GP
1	CANOPUS	4	4	0	0	0	32	8	24
2	SIRIUS	4	3	0	1	0	22	14	8
3	VEGA	4	2	0	2	0	26	16	10
4	ARCTURUS	4	1	0	3	0	13	24	-11
5	CENTAURI	4	0	0	4	0	0	31	-31





Karnival BUBUR LAMBUK

KARNIVAL BUBUR LAMBUK
ANJURAN PEJABAT PERPADUAN,
RT TAMAN SENTOSA & PDT KAMPAR
1 APRIL 2023 | PUSAT RT TAMAN SENTOSA



Karnival Bubur Lambuk
anjuran Pejabat Perpaduan

RT Taman Sentosa & PDT
Kampar telah diadakan pada 1
April 2023 jam 8.30 pagi di Pusat
RT Taman Sentosa.

Majlis Daerah Kampar telah
menghantar 2 badan iaitu AJK
Kelab Sukan MDKpr Dan Bakeb
MDKpr.





21 MAC 2023 | AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR

Majlis Daerah Kampar telah mengadakan satu program ceramah menjelang Ramadan yang bertajuk 'Kelebihan Bulan Ramadan Dalam Islam'

Program Menjelang
RAMADAN

Seramai 85 orang yang terlibat dalam program ini. Semua yang terlibat merupakan dari kalangan staf Majlis Daerah Kampar.



**TADARUS
 AL-QURAN**

TADARUS AL-QURAN SECARA BERSEMUKA DAN ONLINE

Majlis Daerah Kampar telah menganjurkan program Tadarus Al-Quran Secara Bersemuka Dan Online bagi sepanjang bulan Ramadan tahun 2023.

Tadarus telah dijalankan secara dalam talian dan bersemuka di surau.





Majlis Iftar RAMADAN

MAJLIS DAERAH KAMPAR 2023 / 1444H

31 MAC 2023 | DEWAN BANDARAN MAJLIS DAERAH KAMPAR

Majlis Iftar Ramadan bagi 2023/1444H Majlis Daerah Kampar telah berlangsung pada 31 Mac 2023 bertempat di Dewan Bandaran Majlis Daerah Kampar.

Semua staf Majlis Daerah Kampar yang beragama Islam dijemput untuk berbuka puasa di Dewan Bandaran Majlis Daerah Kampar. Solat tarawih turut dijalankan selepas majlis berbuka puasa.





Karnival **BUBUR LAMBUK 2023**

PERINGKAT DAERAH KAMPAR

1 APRIL 2023 | PUSAT RUKUN TETANGGA TAMAN SENTOSA, KAMPAR

Karnival Bubur Lambuk 2023 Peringkat Daerah Kampar telah diadakan pada 1 April 2023 bertempat di Pusat Rukun Tetangga Taman Sentosa, Kampar.

Program yang dianjurkan oleh Pejabat Perpaduan Negara Kampar dan Rukun Tetangga Taman Sentosa bersama Pejabat Daerah dan Tanah Kampar.

Sebanyak satu periuk bubur telah dimasak dan diagihkan kepada orang yang terlibat dan penduduk sekitarnya.



Program Memasak **BUBUR LAMBUK** DENGAN KERJASAMA KELAB SUKAN MDKpr

12 APRIL 2023 | TEMPAT LETAK KENDERAAN DI BELAKANG KOMPLEKS PENTADBIRAN MDKpr

Program Memasak Bubur Lambuk Dengan Kerjasama Kelab Sukan MDKpr telah diadakan pada 12 April 2023 Tempat Letak Kenderaan di Belakang Kompleks Pentadbiran MDKpr.

Program tersebut telah dianjurkan oleh BAKEB & Kelab Sukan MDKpr.

Program dijalankan pada waktu pagi sehingga tengah hari dan sebanyak 31 orang yang terlibat dalam menyediakan dan memasak bubur lambuk. Hasil masakan diagihkan kepada kakitangan MDKpr dan komuniti berhampiran.





Majlis Khatam **AL-QURAN** MAJLIS DAERAH KAMPAR

17 APRIL 2023 | AUDITORIUM MAJLIS DAERAH KAMPAR



Majlis Khatam Al-Quran bagi Majlis Daerah Kampar telah diadakan pada 17 April 2023 bertempat di Auditorium Majlis Daerah Kampar.

Majlis Khatam al-Quran diketuai oleh A.F. Ustaz Mohammad Azri Naim bin Mohd Kamal dan disertai dengan tazkirah ringkas.



Cenderahati juga turut diberi kepada peserta khatam Al-Quran di akhir program.



Program Ibadah **QURBAN**

30 JUN 2023 | TEMPAT LETAK KENDERAAN DI BELAKANG KOMPLEKS PENTADBIRAN MDKpr



Satu majlis ibadah qurban telah diadakan pada tarikh 30 Jun 2023 hari Jumaat bertempat di tempat letak kenderaan di belakang Kompleks Pentadbiran MDKpr.



Seramai 7 orang kakitangan MDKpr yang terlibat dalam ibadah korban dan daging korban diagihkan kepada golongan yang layak.

Program

GOTONG ROYONG LIHAT SAMPAH AMBIL (LiSA) 2023

9 APRIL 2023 | BANDAR BARU, KAMPAR



Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Program Gotong Royong Lihat Sampah Ambil atau LiSA di kawasan Bandar Baru, Kampar melibatkan kerjasama dari para pelajar Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Program yang bermula dengan acara senamrobik telah dihadiri oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, YDP MDKpr, Clr En. Mohd Lot bin Abdul Hamid, Clr En. Loh Siew Cheong, En. Mohd Izhah bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam, pensyarah UTAR, pegawai dan anggota MDKpr, wakil PDRM dan wakil Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.

Tuan YDP telah membuat perasmian gimik dengan mengutip sisa kitar semula dan sampah domestik ke dalam tong yang disediakan. MDKpr sentiasa berharap agar kempen dan program yang dijalankan oleh Majlis sentiasa disokong sepenuhnya oleh penduduk Kampar bagi memastikan Kampar berada dalam keadaan bersih dan harmoni.

Amalan lihat sampah dan ambil yang dipromosikan oleh Majlis adalah untuk membudayakan sikap penduduk Kampar untuk bersama-sama mengutip sampah apabila ditemui. Semoga kempen yang dilancarkan ini akan menjadi amalan dan budaya kepada semua warga penduduk Kampar.

Program KAMI PRIHATIN 1.0

18 APRIL 2023 | SK DE LA SALLE, KAMPAR.



Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dengan kerjasama rakan strategik Syarikat Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. (PEISB) dan Lotus's Kampar telah menjalankan Program KAMI Prihatin 1.0 membantu keluarga miskin kalangan pelajar di SK De La Salle, Kampar.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini merupakan inisiatif pihak MDKpr bersama dengan syarikat swasta iaitu PEISB dan Lotus's memberikan sumbangan barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, kicap dan sardin serta wang tunai kepada keluarga pelajar yang memerlukan bantuan.



Majlis ini telah dihadiri oleh En. Mohd Izham Bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Persekitaran, MDKpr, Pn. Khumaizah bt Aziz, Penolong Pegawai Unit Korporat & Pelancongan, MDKpr, En. Nik Shaifuddin Bin Nik Ibrahim, Pengurus Syarikat Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. Seksyen Tapah & Kampar, En. Mohammad Nor Bin Mohd Sairi, Jurutera Syarikat Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. dan En. Navarasan a/l Thambyrajah, Pengurus Lotus's Kampar.

Program ini akan diteruskan bagi membantu pelajar sekolah miskin tegar dan dalam kategori B40 bagi program seterusnya.



Program

KOMUNITI SIHAT PEMBINA NEGARA (KOSPEN) WOW

29 MEI 2023 (ISNIN) | AUDITORIUM MDKpr



Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kampar telah menganjurkan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) Wow di tempat kerja dengan pelaksanaan Skop Pertama iaitu Saringan Kesihatan.

Program KOSPEN Wow ini merupakan pendekatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan pekerja di agensi-agensi kerajaan dan swasta berada dalam keadaan yang sihat dan bebas dari Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi, obesiti dan pelbagai penyakit NCD yang lain.



Program saringan kesihatan merupakan salah satu dari 8 skop yang terdapat dalam program KOSPEN Wow. Diharapkan program ini berjaya dilaksanakan dengan bimbingan dan tunjuk ajar dari anggota PKD yang melatih staf MDKpr untuk menjalankan saringan kesihatan sendiri.





PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21

SENARAI PROGRAM LOCAL AGENDA (LA 21) TAHUN 2023

SENARAI PROGRAM LOCAL AGENDA (LA 21) TAHUN 2023

BIL.	TARIKH	PROGRAM	LOKASI
JANUARI			
1.	7/1/2023	PROGRAM KITAR SEMULA: TUKAR SAMPAH DAPAT BARANG KEPERLUAN ASAS	ARENA RAKYAT TUALANG SEKAH
2.	7/1/2023	PROGRAM KITAR SEMULA BERSAMA NGO BUDDHA TZU CHI	BANDAR BARU KAMPAR
3.	19/1/2023	OPS BERSEPADU TAHUN BARU CINA BERSAMA JPJ PERAK	R&R RTC GOPENG
4.	19/1/2023	PROGRAM PENJURIAN PROGRAM MEWARNA	MAJLIS DAERAH KAMPAR
5.	20/1/2023	PROGRAM GOTONG ROYONG BERSAMA YB ANGELINE	MEDAN SELERA KAMPAR, PASAR KHINZIR KAMPAR DAN PASAR AWAM KAMPAR
FEBRUARI			
6.	8-9/2/2023	PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT PERINGKAT AKHIR	DEWAN KRISTAL, KPKT PUTRAJAYA
7.	11/2/2023	PROGRAM KITAR SEMULA: TUKAR SAMPAH DAPAT BARANG KEPERLUAN ASAS	PASAR AWAM KAMPAR
MAR			
8.	3/3/2023	PROGRAM TURPA BERSAMA EXCO	PASAR AWAM LAWAN KUDA, PUSAT PENJAJA LAWAN KUDA DAN TAMAN GOPENG BARU
9.	6/3/2023	LAWATAN PELAJAR MBBS UNIKL TAHUN 2023/2022	AUDITORIUM MDKpr & TAPAK PELUPUSAN SAMPAH, SAHOM / TAPAK KOMPOS MDKpr
10.	11/3/2023	PROGRAM PERASMIAN HARI AIR SEDUNIA	STADIUM INDERA MULIA, IPOH, PERAK
11.	11/3/2023 - 12/3/2023	KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023	PUSAT KONVENSYEN IPOH (ICCO) PERAK
12.	11/3/2023 - 12/3/2023	SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA	TAMAN DR SEENIVASAGAM, IPOH
13.	16/3/2023	PROGRAM TURPA BERSAMA YB SHASHA	KAMPUNG TANJONG BAKONG, MALIM NAWAR & PASAR AWAM MALIM NAWAR
14.	26 & 27/3/2023	PROGRAM GOTONG ROYONG KENDIRI GOLDEN DRAGON: KAMPAR BASMI DENGGI	TAMAN GOLDEN DRAGON
15.	27/3/2023	PROGRAM PENYERAHAN APRON DAN TOPI DAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA	BAZAR RAMADAN KAMPAR BAZAR RAMADAN MALIM NAWAR



PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21

SENARAI PROGRAM LOCAL AGENDA (LA 21) TAHUN 2023

16.	29/3/2023	PROGRAM PENYERAHAN APRON DAN TOPI DAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA	BAZAR RAMADAN GOPENG BAZAR RAMADAN KUALA DIPANG
APRIL			
17.	1/4/2023	PROGRAM KITAR SEMULA PERSATUAN BUDDHA TZU CHI	KAWASAN BANDAR BARU
18.	5/4/2023	PROGRAM HPP DI BAZAR RAMADAN PDRM PERAK 2023 PERINGKAT DAERAH KAMPAR, PERAK	BAZAR RAMADAN KAMPAR
19.	8/4/2023	KEMPEN PENGUMPULAN E-WASTE, 3R & MINYAK MASAK TERPAKAI	PASAR AWAM MAMBANG DIAWAN
20.	9/4/2023	PROGRAM GOTONG ROYONG LIHAT SAMPAH AMBIL (LiSA)	SEPANJANG JALAN BATU SINAR, BANDAR BARU KAMPAR
MEI			
19.	6/5/2023	PROGRAM KITAR SEMULA PERSATUAN BUDDHA TZU CHI	KAWASAN BANDAR BARU
20.	13/5/2023	KEMPEN PENGUMPULAN E-WASTE, 3R & MINYAK MASAK TERPAKAI	ARENA RAKYAT TUALANG SEKAH, MALIM NAWAR
21.	25/5/2023	LAWATAN LAPANGAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN KOHORT 14, QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY	TAPAK PELUPUSAN MDKpr
JUN			
22.	3/6/2023	PROGRAM KITAR SEMULA PERSATUAN BUDDHA TZU CHI	KAWASAN BANDAR BARU
23.	9/6/2023	TAKLIMAT PEMBUATAN KOMPOS	SMK SRI KAMPAR
24.	10/6/2023	KEMPEN PENGUMPULAN E-WASTE, 3R & MINYAK MASAK TERPAKAI	ARENA RAKYAT TUALANG SEKAH, MALIM NAWAR
25.	20/6/2023 - 21/6/2023	OPS GEMPUR AEDES BERSEPADU	PASAR AWAM KAMPAR DAN PASAR AWAM GOPENG
26.	24/6/2023	PROGRAM GERAK RAHMAH 2023 : JOM BERSIH DAN INDAH PERINGKAT DAERAH KAMPAR	AIR TERJUN BATU BERANGKAI, KAMPAR



LOGO INISIATIF KEJIRANAN KAMPAR MAJLIS DAERAH KAMPAR

SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH

VISUAL LOGO



**BOTOL
MINERAL**



**TIN
SUSU**



**(SPROCKET)
GEGANCU BASIKAL**



LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diterapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.

SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi tegai sebagai payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.



3 akar besar berbentuk kaki


Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, lanya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah

Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU

Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak dari bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



Lingkungan
Bahaya Kesan
Buruk Jika Tidak
Dijaga atau
Dihiraukan

Kuning
Masyarakat
Peka

Muafakat
Jaga
Kebersihan

MAJLIS DAERAH KAMPAR

Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar
Jalan Iskandar, 31900 Kampar
Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-467 1020 / Faks: 05 - 4671040
www.mdkampar.gov.my